

RENCANA

SJI atasi Madrasah Aljunied; muncul juara Bahas 4PM 2024

► **KHAIRUL AKMAL ALI**
khrla@sph.com.sg

Institusi St. Joseph (SJI) muncul juara keseluruhan Bahas 4PM tahun ini.

SJI yang diwakili Ariel Aiman Noorisman, Amir Hamza Shahbudin, Mario Sebastian dan Gerald Aurelius Panenthe berjaya mengatasi lawan mereka dari Madrasah Aljunied Al-Islamiah, Anis Madihah Mohamed Hafiz, Arinal Haque Muhammad Zuhail, Muhammad Suhail Sulaiman dan Darwisy Hashim di pusingan akhir yang berlangsung di Auditorium SingPost pada 2 Mac.

Sebanyak 22 pasukan dari 21 sekolah menengah telah menyertai pertandingan Bahas 4PM 2024.

Selepas pembahasan yang sengit mengenai topik, *Pelaburan dalam sukan di Singapura bukanlah sia-sia semata-mata*, akhirnya SJI yang merupakan pihak pembangkang berjaya meyakinkan anggota panel penilaian dengan penyampaian mereka.

Kemenangan SJI ke atas Madrasah Aljunied Al-Islamiah, yang merupakan pihak pencadang, bermakna pasukan juara itu membawa pulang Piala Cabaran Izzuddin Taherally selain baucar bernilai \$100 setiap seorang.

Sementara itu, pasukan pembahas Madrasah Aljunied Al-Islamiah pula membawa pulang baucar bernilai \$80 setiap seorang.

Pasukan SJI yang ditemui melahirkan penghargaan kepada guru-guru dan rakan sekolah mereka.

"Kemenangan ini datang daripada pelbagai usaha, bukan sahaja daripada kami bahkan juga guru-guru dan rakan-rakan yang membantu kami buat kajian dan sebagainya," kata Amir Hamza.

Rakan sepasukannya, Ariel Aiman, berjaya menerima anugerah pembahas terbaik dalam kesemua pusingan (awal, su-



(Dari kiri) Pengerusi Akademi Bahas Persatuan Persuratan Pemuda Pemudi (4PM), Encik Kamal Ashraf Kamil Jumat; Presiden 4PM, Encik Nassar Mohamad Zain; pemenang pembahas terbaik, Ariel Aiman Noorisman; dan tetamu terhormat, Anggota Parlimen, Dr Wan Rizal Wan Zakariah, bergambar semasa majlis penyampaian anugerah pertandingan itu. – Foto EYERIS STUDIOS

ku akhir, separuh akhir, akhir) dan turut merangkul pembahas keseluruhan terbaik pertandingan itu.

"Sebenarnya saya tidak percaya saya mampu mendapatkan anugerah ini. Ini kerana pada pendapat saya ada pelajar yang setaraf atau lebih baik daripada saya semasa penyampaian mereka," kata beliau.

"Terima kasih kepada guru-guru saya yang telah menyokong saya secara keseluruhan dari segi persiapan. Tanpa bantuan mereka saya tidak akan dapat menerima anugerah ini," tambah beliau.

Bagi pihak Madrasah Aljunied Al-Islamiah, guru mereka, Cik Nurhayati Ahwan, menyifatkan peningkatan pelajar-pelajar beliau sebagai pencapaian yang cukup besar.

"Saya beritahu pelajar saya bahawa untuk sampai ke peringkat akhir pertandingan ini juga merupakan satu pencapaian yang boleh dibanggakan. Tidak mudah untuk capai ke tahap ini," kata guru tersebut.

"Tidak kira apa keputusannya, saya amat bangga dengan pencapaian mere-

ka selama ini," tambah beliau.

Tetamu terhormat acara itu, Dr Wan Rizal Wan Zakariah, Anggota Parlimen GRC Jalan Besar (Kolam Ayer) juga melahirkan kepuasan beliau terhadap tahap kemahiran yang ditunjukkan semasa pertandingan tersebut.

"Saya amat gembira melihat prestasi bahas yang sangat baik daripada pelajar-pelajar kami," kata beliau.

"Amat penting untuk memberi satu landasan di mana mereka dapat terus berbangkit dan berkomunikasi secara yakin. Saya harap kita dapat teruskan legasi bahas ini," tambah beliau.

Pengerusi Akademi Bahas 4PM, Encik Kamal Ashraf Kamil Jumat, juga melahirkan kekaguman beliau terhadap para peserta Bahas 4PM pada 2024.

"Prestasi dalam pertandingan ini memang cemerlang, mereka dapat membentangkan isu dengan bahasa baku yang hebat sekali, menggunakan frasa berbunga, peribahasa dan pantun-pantun pada masa yang sesuai," kata beliau.

Pelajar Madrasah Al-Arabiah muncul naib johan peraduan animasi video

Pelajar Madrasah Al-Arabiah Al-Islamiah, Maryam Najm (berdiri), Sehrish Muhd Ghouse (duduk, kanan) dan Amni Begum (duduk, kiri), mencapai kemenangan yang membanggakan apabila muncul sebagai naib johan peraduan animasi video. – Foto MADRASAH AL-ARABIAH AL-ISLAMIAH



► **RUBIAH MOHD**
rubimohd@sph.com.sg

Pelajar dari Madrasah Arabiah Al-Islamiah (MAI) berjaya meraih tempat kedua selaku naib johan dalam pertandingan kebangsaan N.E.mation 2024 anjuran Singapore Discovery Centre.

Pasukan 'Tic Tac Toe' dari MAI berjaya menambat hati pengadil dan pengundi apabila video animasi pendek mereka yang bertema, *Together We Keep Singapore Strong*, terpilih.

Pertandingan N.E.mation 2024 itu disertai oleh lebih 200 pasukan dari 58 sekolah serata Singapura termasuk pasukan dari Sekolah Perempuan Raffles, yang menyandang tempat pertama.

Ketiga-tiga pelajar madrasah Menengah 4 itu termasuk Amni Begum Muhd Izhar, Maryam Najm Abbar Jamaludin dan Sehrish Muhd Ghouse Miyajee, kesemuanya 15 tahun.

Mereka berkata pihak madrasah banyak memberikan sokongan semasa bengkel animasi lima hari di politeknik tempatan yang dibimbing oleh pelajar diploma dari jurusan media.

Sehrish selaku ketua pasukan 'Tic Tac Toe' berkata kepada *Berita Harian* (BH):

"Kami mendapat tahu tentang pertandingan ini melalui guru kelab media kami, Encik Del Rasouli, dan kami pernah terlibat dalam pertandingan yang sama selama tiga tahun berturut-turut, tetapi ini kemenangan yang pertama buat kami."

Pihak madrasah juga menyediakan komputer riba untuk belajar sepanjang pertandingan, selain memberi sokongan moral yang padu kepada pasukan itu.

"Selain pihak madrasah, keluarga pelajar dan kawan-kawan lain juga digalakkan membuat pengundian, yang membantu dalam pemilihan pemenang."

Seorang lagi anggota pasukan, Amni Begum,

pula berkata:

"Saya dan Maryam lebih mahir melukis, jadi kami diberi tugas untuk melukis produk kami, manakala Sehrish lebih berpengalaman dalam coding dan menggunakan software animasi, jadi kami bahagi-bahagikan kerja ikut kepakaran masing-masing."

Projek animasi itu mengambil masa tiga setengah hari untuk disiapkan, dan pelajar-pelajar itu menggunakan masa selebihnya (satu setengah hari) untuk memperbaiki video mereka.

Encik Del Rasouli, selaku guru bertanggungjawab ke atas kelas kegiatan kokurikulum (CCA) Kelab Media, berkata pihak madrasah amat bangga dengan pelajar yang terlibat kerana menunjukkan kecekapan dalam kesungguhan semasa menghadiri bengkel lima hari dan pertandingan.

"Keghairahan mereka terhadap bidang animasi telah membuahkan ganjaran dengan kejayaan mencapai kedudukan naib johan."

"Ini selaras dengan nilai 2RISE sekolah kami (*Respect* atau Hormat, *Responsibility* (Tanggungjawab), *Integrity* (Kewibawaan), *Spirituality* (Ke-ruhanian) serta *Excellence* (Ke-cemerlangan))."

Apabila ditanya sama ada pasukan itu mempunyai keyakinan yang tinggi untuk menang, mereka bertiga sebulat suara berkata walaupun menaruh harapan tinggi, mereka juga berasa tekanan daripada bahang persaingan daripada pasukan yang turut menghasilkan animasi bermutu tinggi berbanding animasi mereka yang lebih ringkas.

"Kami betul-betul terkejut... apabila nama-nama pemenang diumumkan, kaki kami terasa kebas," kata Serish.

Setiap pemenang naib johan itu membawa pulang sebuah tablet lukisan peribadi daripada WACOM, baucar bernilai \$100 daripada Kedai Buku Popular, dan baucar bernilai \$100 daripada Singapore Discovery Centre.

Berita Harian

Dapatkan tajuk berita utama daripada Berita Harian di Telegram @bhsingapura

